

Bil. S 48

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah di bawah bab 83(3))

**PERINTAH DARURAT (AKTA KAWALAN HARGA) (PINDAAN), 1999**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini membuat Perintah yang berikut —

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Kawalan Harga) (Pindaan), 1999. Gelaran.

2. Akta Kawalan Harga (dalam Perintah ini disebut sebagai Akta tersebut) adalah dipinda dalam bab 2 dengan — Pindaan bab 2  
dari Penggal  
142.

(a) memasukkan takrifan-takrifan baru yang berikut mengikut urutan abjad yang berkenaan —

“harga maksimum” bermakna harga maksimum yang pada harga tersebut di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini, barang-barang boleh dijual;

“barang-barang yang dikawal harganya” bermakna barang-barang yang berkaitan dengannya harga-harga maksimum telah ditetapkan di bawah bab 5 dan termasuk perkhidmatan yang baginya harga maksimum telah ditetapkan;” dan

(b) dengan memasukkan “Pemeriksa Harga Kanan” ke dalam takrifan “Pemeriksa Harga” sejurus selepas “Ketua Pemeriksa Harga,” dalam baris ketiga.

3. Bab 3 dari Akta tersebut adalah dimansuhkan dan digantikan dengan yang berikut — Penggantian  
bab 3.

“Lantikan  
Pengawal  
Harga dan  
pegawai-  
pegawai lain.

3. (1) Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, boleh melantik Pengawal Harga, Timbalan Pengawal Harga dan Penolong-Penolong Pengawal Harga sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut.

(2) Menteri boleh melantik Ketua-Ketua Pemeriksa Harga, Pemeriksa-Pemeriksa Harga Kanan

dan Pemeriksa-Pemeriksa Harga bagi kawasan-kawasan sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut.”.

Pemasukan  
bab-bab 3A  
dan 3B baru.

4. Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 3 bab-bab baru yang berikut —

“Penubuhan  
Majlis  
Penasihat  
Kebangsaan  
bagi  
Perlindungan  
Pengguna.

3A. Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, boleh menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Perlindungan Pengguna yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan lapan orang wakil lain daripada Kerajaan, sektor awam dan pertubuhan-pertubuhan lain yang dianggap layak dan sesuai untuk memberi nasihat kepada Pengawal Harga tentang perkara-perkara berhubung dengan perjalanan semua atau sebarang kuasa yang diberikan kepadanya oleh bab-bab 4, 5, 6, 7, 9 dan 10.

Harga dan  
bayaran  
maksimum.

3B. (1) Pengawal Harga boleh dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* —

(a) menetapkan harga maksimum, yang mungkin termasuk bayaran serahan, bagi penjualan mana-mana barang sama ada dengan mengisytiharkan harga jualan maksimum atau dengan menetapkan bahawa harga jualan barang-barang itu hendaklah tidak melebihi dari harga yang dikeluarkan oleh penjual untuk membeli barang-barang itu campur suatu jumlah wang yang dinyatakan atau suatu peratus yang dinyatakan dari harga kos tersebut, atau dengan menetapkan cara bagaimana harga jualan maksimum barang-barang itu akan ditentukan;

(b) menetapkan bayaran maksimum yang boleh dibuat oleh mana-mana orang bagi sebarang perkhidmatan berhubung dengan pembekalan, pembaikan, penyenggaraan, pembungkusan, pengangkutan atau penyimpanan barang-barang, yang termasuk bekalan bahan-bahan sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu;

(c) menetapkan harga maksimum, atau menetapkan cara bagaimana harga maksimum akan ditentukan, mana-mana barang terpakai,

sama ada untuk jualan oleh orang-orang yang menukar beli barang-barang ini, atau oleh pemilik-pemilik persendirian barang-barang ini; dan

(2) Di bawah bab ini, Pengawal Harga boleh menetapkan harga maksimum atau bayaran perkhidmatan berkaitan dengan mana-mana barang bagi satu kawasan yang berlainan dari harga maksimum atau bayaran perkhidmatan yang ditetapkan bagi kawasan lain berkaitan dengan barang-barang yang sama atau serupa."

5. Bab 4 dari Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas perenggan (e) perenggan baru yang berikut — Pindaan bab 4.

"(ea) menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan kepadanya contoh-contoh apa jua barang yang dikawal harganya;"

6. Bab 6 dari Akta tersebut adalah dimansuhkan. Pemansuhan bab 6.

7. Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 9 bab-bab baru yang berikut — Pemasukan bab-bab 9A dan 9B baru.

"Kuasa untuk memasuki, menggeledah dll.

9A. (1) Pengawal Harga, Timbalan Pengawal Harga, mana-mana Penolong Pengawal Harga, mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh mana-mana daripadanya, mana-mana Ketua Pemeriksa Harga atau mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh —

(a) merampas mana-mana barang yang dikawal harganya yang berkaitan dengannya dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini telah dilakukan berserta dengan sebarang bekas, bungkusan, alat pengangkutan, kapal yang tidak melebihi dari 200 tan berat tan berdaftar bersih, kenderaan atau pesawat udara yang di dalamnya atau di atasnya barang-barang itu mungkin telah dijumpai atau yang telah digunakan berhubung dengan kesalahan itu (dalam bab ini disebut sebagai "peralatan sertaan") atau yang dianggapnya perlu untuk membuktikan berlakunya kesalahan itu dan boleh menahan barang-barang dan peralatan

sertaan tersebut sementara menunggu bermulanya sebarang prosiding terhadap mana-mana orang kerana kesalahan itu;

(b) memasuki dan memeriksa sebarang bangunan yang diduduki oleh atau berada di bawah kawalan mana-mana orang yang menjalankan sebarang perdagangan atau perniagaan di mana barang-barang yang dikawal harganya dijual dan merampas sebarang buku, akaun, dokumen atau benda lain yang dijumpai di dalam bangunan itu yang boleh memberi keterangan berlakunya suatu kesalahan terhadap Akta ini;

(c) memeriksa sebarang buku, akaun atau dokumen lain berhubung dengan perdagangan atau perniagaan mana-mana orang itu dan menghendaki satu salinannya atau salinan rekod sebarang urusan yang diperakui dengan sempurnanya oleh orang itu, dan boleh selanjutnya menghendaki supaya buku, akaun atau dokumen lain tersebut disimpan di pejabat Pengawal Harga untuk pemeriksaan; jika ia dalam suatu bahasa selain dari bahasa Melayu atau Inggeris boleh, jika dia berpuas hati bahawa orang itu dapat memberi atau memperoleh terjemahannya dalam salah satu dari bahasa-bahasa itu, menghendaki terjemahan tersebut; atau

(d) menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan kepadanya contoh mana-mana barang yang dikawal harganya yang dijual belinya.

(2) Jika mana-mana barang yang dikawal harganya telah dirampas di bawah ceraiian (1)(a), maka —

(a) jika dalam masa tiga puluh hari dari rampasan itu tiada prosiding dimulakan terhadap mana-mana orang atas suatu kesalahan yang dikatakan telah dilakukan berkenaan dengan barang-barang itu, barang-barang dan peralatan sertaan itu hendaklah dikembalikan kepada orang yang daripadanya ia dirampas jika dia dapat dijumpai dan, jika tidak, hendaklah

dilupuskan sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Majistret; atau

(b) jika dalam masa tiga puluh hari dari rampasan itu sebarang prosiding tersebut dimulakan terhadap mana-mana orang, barang-barang dan peralatan serta itu boleh dilucuthak ataupun sebaliknya dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Mahkamah:

Dengan syarat bahawa jika mana-mana barang yang dirampas di bawah cerai (1)(a) adalah dari jenis yang cepat rosak barang-barang itu boleh dijual dengan perintah Pengawal Harga dan cerai ini hendaklah dikenakan kepada pelupusan hasil jualan mengikut cara yang sama sebagaimana ia sepatutnya dikenakan kepada pelupusan barang-barang itu jika ia belum dijual.

(3) Mana-mana pegawai polis boleh, sama ada atas usulnya sendiri atau atas maklumat yang diterima daripada Pengawal Harga atau mana-mana orang lain, menangkap tanpa waran setelah suatu kesalahan terhadap Akta ini disyaki dengan munasabah telah dilakukan, jika orang itu enggan memberi nama atau alamatnya atau terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dia telah memberi nama atau alamat palsu atau bahawa dia mungkin melarikan diri.

(4) Bagi maksud bab ini, perkataan "barang-barang yang dikawal harganya" hendaklah termasuk mana-mana barang atau jenis barang-barang yang berkaitan dengannya Pengawal Harga telah menetapkan supaya tanda atau label dipamerkan di bawah bab 9B (1)(d).

Kuasa-kuasa  
am Pengawal  
Harga.

9B. (1) Pengawal Harga boleh, dengan kebenaran Menteri, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, menetapkan supaya tanda atau label dipamerkan oleh penjual runcit, pemborong, pengimport, pembuat dan pengeluar berkenaan dengan mana-mana barang yang dikawal harganya atau mana-mana barang lain atau jenis barang-barang mengikut cara sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu, yang menunjukkan kualiti, gred, berat, harga, tempat dikeluarkan atau tarikh pembuatan barang-barang tersebut dan maklumat lain

berkenaan dengan barang-barang itu sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengawal Harga.

(2) Pengawal Harga boleh —

(a) Dalam sebarang hal tertentu, menetapkan apakah yang membentuk urusan borong atau runcit;

(b) Menghendaki dengan notis secara bertulis mana-mana orang yang menjalankan sebarang perdagangan atau perniagaan supaya memberi secara lisan atau bertulis dan dalam bentuk sebagaimana yang mungkin dikehendaki, sebarang maklumat berkenaan dengan perdagangan atau perniagaan tersebut; dan

(c) Menetapkan tempat di mana apa jua barang yang dikawal harganya disimpan.”

Pemasukan  
bab-bab 10A  
dan 10B baru.

8. Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 10 bab-bab yang berikut —

“Mengkompaun  
kesalahan-  
kesalahan.

10A. (1) Ketua Pengawal Harga dan mana-mana Pengawal Harga Kanan boleh mengkompaun sebarang kesalahan terhadap Akta ini, yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompau, dengan menerima daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan tersebut suatu jumlah wang yang akan ditetapkan olehnya yang tidak melebihi dari \$500.

(2) Setelah pembayaran dibuat, orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan tersebut, jika berada dalam tahanan, hendaklah dibebaskan, sebarang harta yang dirampas hendaklah dilepaskan dan tiada prosiding yang selanjutnya boleh diambil terhadap orang atau harta tersebut berkaitan dengan kesalahan itu.

Kesalahan-  
kesalahan.

10B. Mana-mana orang yang —

(a) menjual barang-barang yang dikawal harganya pada harga tersebut atau melaksanakan atau menawarkan untuk melaksanakan sebarang perkhidmatan berkenaan dengan mana-mana barang yang dikawal harganya atau menyewakan atau menawarkan untuk

menyewakan mana-mana barang-barang yang dikawal harganya pada suatu bayaran yang melebihi dari harga atau bayaran maksimum yang ditetapkan bagi barang-barang tersebut oleh Pengawal Harga di bawah bab 3B adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini;

(b) dengan mengetahui membeli atau menawarkan untuk membeli mana-mana barang yang dikawal harganya atau yang dengan mengetahui membayar atau menawarkan untuk membayar bagi suatu perkhidmatan suatu bayaran yang melebihi dari bayaran maksimum bagi barang-barang tersebut adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini;

(c) menjalankan suatu perniagaan yang semasa menjalankan perniagaan itu barang-barang yang dikawal harganya biasa dijual dan yang mempunyai dalam milikannya suatu stok barang-barang tersebut yang —

- (i) dengan palsu menafikan bahawa dia mempunyai barang-barang tersebut dalam milikannya; atau
- (ii) enggan, kecuali dengan kebenaran Pengawal Harga, menjual barang-barang tersebut dalam kuantiti yang munasabah,

adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini:

Dengan syarat bahawa adalah menjadi suatu pembelaan bagi suatu bayaran di bawah perenggan (ii) bahawa pembeli tidak dapat atau tidak mahu membuat pembayaran dengan segera harga barang-barang tersebut dengan wang tunai.”.

9. Jadual kepada Akta tersebut adalah dipinda dengan menambah — Pindaan Jadual.

“10. Senarai kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun”.

10. Akta tersebut adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “barang terkawal” di mana sahaja perkataan-perkataan Pindaan Akta.

tersebut terdapat dan menggantikannya dengan perkataan-perkataan "barang-barang yang dikawal harganya".

Diperbuat pada hari ini 23 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1420 bersamaan dengan 4 haribulan September, 1999 Masihi, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM